

24/11/1999

Beijing tidak mahu Spratly jadi isu

KUALA LUMPUR, Selasa - China meminta Asean tidak tergesa-gesa merangka kod etika tata laku bagi negara yang menuntut Kepulauan Spratly.

Jurucakap Kementerian Luar China, Zhu Bangzhao, berkata sebaliknya Beijing mahu Asean berhati-hati merangka dokumen penting itu.

Katanya, ini kerana China tidak mahu isu Spratly menjadi isu antarabangsa.

"Oleh itu, China menolak pembabitan Jepun dan Korea menerusi Forum 10+3 Asean. Kami berpendapat adalah lebih baik jika perbincangan merangka kod etika tata laku itu menerusi forum 10+1 Asean," katanya dalam taklimat akhbar di sini hari ini.

Zhu Bangzhao memberi penerangan kepada media mengenai lawatan rasmi pertama Perdana Menteri China Zhou Rongji ke Malaysia, termasuk pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, awal hari ini.

Spratly adalah antara isu yang dibincangkan antara kedua-dua pemimpin itu.

Forum 10+3 Asean membabitkan rundingan dua hala semua anggota Asean dengan China, Jepun dan Korea Selatan manakala Forum 10+1 adalah rundingan anggota perundingan serantau itu dengan China.

Pemimpin Asean akan menghadiri sidang tidak rasmi pertubuhan itu di Manila mulai 29 November ini. Zhu Rongji akan mengetuai delegasi China ke sidang itu.

Zhu Bangzhao juga berkata, oleh kerana wujud perbezaan pendapat antara China-Asean dan di kalangan anggota Asean mengenai kandungan dokumen kod etika itu, Beijing mengesyorkan Asean merangka secara berperingkat.

"Proses merangka dokumen itu tidak boleh dilakukan dengan tergesa-gesa. Lebih-lebih lagi kerana antara China dengan Asean tidak sependapat mengenai butirnya termasuk di kalangan anggota Asean sendiri," katanya.

Oleh itu, China tidak bersedia menandatangani dokumen kod etika tata laku jika dikemukakan pemimpin Asean di Manila nanti.

Malaysia, Filipina, Vietnam dan Brunei adalah empat anggota Asean yang menuntut Kepulauan Spratly. Dua negara lain ialah China dan Taiwan.

(END)